

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.AR.E.500-2/19/10 Jld. 2 (11)

Tarikh :

6 Ogos 2021

Pengurus Kanan  
Jabatan Perkhidmatan Kewangan Pesakit  
Institut Jantung Negara  
145, Jalan Tun Razak  
50400 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
(U/P: Encik Mohd Zaidi bin Harun)

Tuan,

## PEMAKLUMAN PENGGUNAAN KAD PESARA BAHARU LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, pihak LHDNM telah mengeluarkan kad pesara rekaan terbaru bagi kegunaan para pesara LHDNM berkuatkuasa mulai Ogos 2021. Bagaimanapun, kad pesara sedia ada masih sah untuk digunapakai. Bersama-sama ini dikemukakan salinan kad pesara baharu seperti di **Lampiran 1** dan kad pesara sedia ada seperti di **Lampiran 2**.

3. Kerjasama tuan dalam membantu pihak kami membuat hebahan kepada fasiliti perubatan Institut Jantung Negara (IJN) amatlah diharapkan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan di kaunter pendaftaran Jabatan Pesakit Luar dan Rawatan Pesakit Dalam, Fasiliti IJN. Kad pesara ini adalah sebagai surat jaminan (*guarantee letter*) dan kos akan ditanggung oleh LHDNM.

4. Sebarang pertanyaan tuan boleh menghubungi En. Nurularifin bin Mohd Idris di talian 019-3275158 atau En. Ahmad Syakir Bin Rurol Mukhan talian 014-5148463.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"**  
**"ORGANISASI BERIKTIRAF MS ISO 9001: 2015"**

  
[ ZAHARI BIN ALI ]

Pengarah  
Jabatan Pengurusan Insan  
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO: QMS 01442

KAD PESARA BAHARU LHDNM

**KAD PESARA**  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ALI BIN ABU**  
**610101-01-0101**

**KELAYAKAN WAD:**  
**WAD KELAS 2**  
**| BILIK BERTIGA ATAU LEBIH |**

✉ pasca@hasil.gov.my | ☎ +6019 281 3425

PASANGAN: **AMINAH BINTI AHMAD** NO. SIRI: 0007  
NO. KP : **621010-10-1010**

1. Kad ini adalah surat rasmi yang dikeluarkan untuk kegunaan pesara Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi mendapatkan rawatan/kemasukan ke wad di hospital kerajaan dan kemudahan berkaitan.
2. Kehilangan kad ini hendaklah dilaporkan dengan segera kepada LHDNM.
3. Sesiapa yang menjumpai kad ini hendaklah menyerahkannya ke mana-mana cawangan LHDNM yang terdekat atau terus kepada LHDNM, Jabatan Pengurusan Insan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Menara Hasil Aras 10, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor.

Alamat Bayaran: LHDNM, Jabatan Pengurusan Insan, Menara Hasil Aras 9, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor.

Tarikh Kkuatkuasa: **01.01.2021**

## LAMPIRAN 2

**LHDN MALAYSIA** **KAD PESARA**   
**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Photo\_4

<<Nama Pesara>>

<<No KP>>

**KELAYAKAN WAD :**  
<<Kelayakan Wad>>  
<<Jenis Bilik>>

**PASANGAN :** <<Nama Pasangan>> **NO. SIRI :** <<No Siri>>

**NO. K/P :** <<No K/P Pasangan>>

1. Kad ini ialah dokumen rasmi yang dikeluarkan untuk digunakan oleh Pesara Lembaga Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bertujuan untuk mendapatkan rawatan / kemasukan ke wad di hospital kerajaan & kemudahan berkaitan.
2. Kehilangan kad ini hendaklah dilaporkan dengan segera kepada LHDNM.
3. Sesiapa yang menjumpai kad ini hendaklah menyerahkannya kepada mana-mana pejabat LHDNM yang terdekat atau terus kepada LHDNM, Jabatan Pengurusan Insan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Menara Hasil, Aras 10, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor.

**Alamat Bayaran :**  
<<Alamat Bayaran>>

**Tarikh Kuat Kuasa :** <<Tarikh Kuat Kuasa>>